

Akhhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Teacher's Good Behaviour in Teaching and Learning the Islamic Education

SOFIAH MOHAMED, KAMARUL AZMI JASMI & MUHAMMAD AZHAR ZAILAINI

ABSTRAK

Artikel ini berdasarkan kajian kes kualitatif yang bertujuan untuk meneroka dan memerihalkan cara guru Pendidikan Islam melaksanakan akhlak mulia berdasarkan teori al-Ghazali dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Data dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen dengan tiga orang peserta kajian terdiri dari guru Pendidikan Islam tingkatan empat daripada tiga buah sekolah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Antara kriteria pemilihan yang digunakan ialah mempunyai ijazah sarjana muda serta diploma perguruan dari universiti tempatan atau institut pendidikan yang setaraf. Dapatan kajian mendapati bahawa guru Pendidikan Islam sentiasa mengamalkan akhlak mulia dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seperti kasih sayang, ikhlas, nasihat, berhikmah dalam usaha menegur kesilapan, pengajaran bertahap dan beramal dengan ilmu. Namun begitu cara penyampaian dan tingkah laku guru mengikut kaedah mereka yang tersendiri. Hasil kajian telah menghasilkan 'Qudwah Hasanah Akhlak guru' yang diharapkan menjadi panduan kepada semua guru di Malaysia khususnya dan di dunia Islam umumnya.

Kata kunci: Akhlak guru, pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Islam, al-Ghazali

ABSTRACT

This article, based on a series of qualitative case studies, aims to explore and describe how Islamic Education teachers perform in accordance to al-Ghazali's teaching and learning theory. The data underpinning the study was collected by purposive sampling, observation, interviews, and document analysis from three Form Four Islamic Education teachers from three schools. Selection criteria for the teaching staff included the need to have bachelor's degree and a diploma in teaching. The findings of the study found that these Islamic Education teachers practiced al-Ghazali's methods of teaching and learning in the classroom by displaying care and sincerity and offering admonitory wisdom, in short, by becoming an exemplary role model. The actual style and method of delivery, however were personal to the teacher. The study concludes that by assessing these teaching behaviours, it is possible to produce a 'Good Behaviour Qudwah Hasanah', which could become a guide to all teachers in the Islamic world and elsewhere.

Keywords: Teachers' good behaviour, teaching and learning, Islamic education, al-Ghazali

PENDAHULUAN

Akhhlak merupakan salah satu elemen utama dalam proses kehidupan seseorang Muslim. Seorang guru yang berakhhlak mulia akan mudah mendidik muridnya supaya berkelakuan baik. Akhlak bermaksud budi pekerti, perangai, tingkah laku dan tabiat. Perkataan akhlak adalah jamak kepada perkataan *khuluq* (Al-Firahidi 2001; Luis Ma'luf

t.t.). Dalam kehidupan masyarakat umum disebut sebagai moral. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Collste (2012) yang menyatakan bahawa moral adalah ciri semula jadi kehidupan manusia kerana manusia adalah makhluk sosial yang terlibat dalam interaksi sosial. Selain itu, Mohd Nasir (2005) menjelaskan pendapat Miskawaih, al-Ghazali dan al-Tusi, bahawa akhlak seseorang boleh diubah

dan diasuh menjadi akhlak mulia melalui didikan dan latihan yang baik. Perkara ini adalah salah satu tujuan Islam diturunkan kepada manusia untuk memperbaiki akhlak. Takrif akhlak menurut Ibnu Miskawaih pula adalah satu tindakan hasil gerak hati tanpa memerlukan seseorang berfikir, sama ada melalui tabiat semula jadi atau melalui latihan dan kebiasaan (Zulfahmi & Wan Hasmah 2014). Mengikut al-Ghazali pula, akhlak terbahagi kepada dua bahagian iaitu tingkah laku yang baik kerana ia merupakan sifat para Rasul serta orang baik dan akhlak buruk disandarkan kepada perbuatan orang yang tidak baik (Abdul Salam 2010; Asmau Imam 2013). Oleh itu disimpulkan bahawa akhlak merupakan tingkah laku hasil dari kehendak jiwa yang dizahirkan melalui perbuatan seseorang. Justeru, kehendak jiwa ditambah dengan ilmu yang baik akan menghasilkan akhlak yang baik.

Pendidikan akhlak dalam Islam amat dititikberatkan bagi melahirkan insan yang sempurna. Guru pula merupakan golongan yang utama bagi pembentukan akhlak selain ibu bapa. Oleh itu Pendidikan Islam menekankan kemahiran dan penghayatan ilmu bagi melahirkan insan yang bertakwa (Zaharah 2005; Ab. Halim, Muhamad Faiz & Kamarul Azmi Jasmi 2012).

Akhlik guru pula merupakan adab dan tingkah laku guru dalam semua aspek mengikut garis panduan syariat Islam. Oleh kerana itu Wan Mohd Zahid (1993) menyarankan agar guru melipatgandakan usaha bagi menonjolkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan bersaling kait dengan ilmu yang lain. Dalam kajian ini akhlak guru adalah segala tingkah laku guru termasuk perkataan, tutur cara, pakaian dan tingkah laku guru terhadap murid semasa pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam. P&P termasuk gabungan guru, murid, kandungan, kaedah, hasil dan penilaian (Noor Hisham 2011). P&P Pendidikan Islam merupakan proses guru menyampaikan ilmu dan pembelajaran pula ialah murid menerima ilmu Pendidikan Islam KBSM Tingkatan Empat. Menurut Ghazali (2001) dan Mohd Yusof (2002) Pendidikan Islam adalah pendidikan yang berdasarkan ajaran Islam.

Matlamat pendidikan Islam selain menanamkan akhlak mulia juga meningkatkan kecerdasan spiritual (Fathiyah et al. 2013). Oleh itu guru yang berakhlik mulia mudah membentuk murid-murid agar peningkatan kecerdasan spiritual akan lebih mantap dan terjamin demi masa depan yang lebih gemilang di dunia dan akhirat. Kajian Salasiah et

al. (2012) mendapatkan bahawa amalan kerohanian akan membentuk kecerdasan spiritual seterusnya melonjakkan kecemerlangan akademik dan akhlak pelajar. Oleh kerana itu pendidikan akhlak mulia merupakan agenda utama pendidikan di Malaysia sebagaimana dinyatakan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN) (Mardzelah et al. 2012). Kajian ini seterusnya menjelaskan mengenai kepentingan akhlak guru terhadap murid.


TEORI KAJIAN

Hassan (1991) menekankan mengenai kepentingan Kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* sebagai rujukan para guru seperti katanya, "Konsep pendidikan guru sepatutnya diambil dari tradisi dan pencapaian dari intelektual kita yang lalu. Karya-karya monumental seperti *Ihya' 'Ulum al-Din* seharusnya menjadi buku teks bagi setiap bakal guru" (hlm. 98). Beliau juga menyarankan bakal-bakal guru agar menjadikan Kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, Kitab *Ta'alim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum* (belajar cara belajar) karangan al-Zarnuji (65-132H) dan karya al-Qabisi sebagai rujukan (Hassan 1991). Jelas di sini bahawa Kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* patut dijadikan rujukan oleh guru-guru. Berdasarkan hakikat ini, pengkaji melakarkan kerangka teoritikal kajian ini seperti dalam Rajah 1.

Teori akhlak guru menurut al-Ghazali (Al-Ghazali t.t) boleh didapati dalam tulisannya *Ihya' 'Ulum al-Din* sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Kajian ini menumpukan kepada enam akhlak yang telah diubahsuai seperti dalam Rajah 1. Pertama, al-Ghazali menyatakan bahawa akhlak seorang pendidik ialah bersifat kasih sayang dan simpati iaitu menyayangi murid seperti anak sendiri (Al-Ghazali t.t). Dalil mengenai akhlak ini adalah dari sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud

"Sesungguhnya aku ini bagimu adalah seumpama seorang ayah bagi anaknya" (Riwayat Abu Daud, An Nasai, Ibnu Majah dan Ibn Hibban dari Abi Hurairah).

Akhlik kedua ialah ikhlas iaitu mengajar dengan niat semata-mata untuk mencari keredhaan Allah S.W.T. serta mentaqarrubkan diri kepadaNya tanpa mengharapkan ganjaran, upah atau ucapan terimakasih (Al-Ghazali t.t). Al-Ghazali membuktikan pendapatnya dengan firman Allah S.W.T. dalam surah Hud ayat 29 yang bermaksud: "Hai kaumku! Aku tidak meminta harta kepada kamu sebagai upahnya, upahku hanyalah dari Allah" (Hud 11:29)



RAJAH 1. Teori Akhlak Guru Menurut al-Ghazali (t.t.)

Akhlak yang ketiga pula ialah nasihat iaitu guru sentiasa menasihati murid dengan memberikan kata-kata yang baik (Al-Ghazali t.t). Akhlak guru dengan murid seterusnya pula ialah mencegah kesilapan dengan berhikmah. Teguran guru melalui kata-kata yang mudah difahami dan disenangi murid kerana jika ditegur secara keras dibimbangi murid akan berani menentang gurunya (Al-Ghazali t.t). Akhlak kelima pula ialah pengajaran bertahap mengikut kemampuan akal murid. Guru akan meneruskan pengajaran topik yang lain setelah murid-murid memahami topik yang telah diajar. Menurut Abdullah (1995), dalam hal ini al-Ghazali mencadangkan supaya para guru menyampaikan ilmu menurut kadar kemampuan akal murid-muridnya. Akhlak terakhir ialah beramal dengan ilmu. Al-Ghazali menguatkan dengan dalilnya firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah ayat 44 yang bermaksud

Apakah kamu menyuruh orang lain berbuat baik sedangkan kamu melupakan dirimu sendiri (2:44)

Seterusnya Al-Ghazali meletakkan kata-kata Ali R.A. iaitu:

“Ada dua orang yang mendatangkan bala bencana kepada kita, iaitu orang yang berilmu yang tidak menjaga kehormatan dan orang yang bodoh yang kuat beribadah. Orang yang bodoh itu menipu manusia dengan peribadatannya dan orang yang berilmu itu menipu manusia dengan kelalaianya” (Al-Ghazali t.t).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Asmawati (2009) menjelaskan bahawa beberapa metodologi yang begitu komprehensif dan afektif dalam mendidik dan membentuk akhlak mulia termaktub di dalam Al-Quran dan Hadis seperti pengajaran dan nasihat, *uswah hasanah* (contoh teladan yang baik), dan perbandingan atau perumpamaan. Begitu juga dengan Ab. Halim & Mohamad Khairul (2010) yang menegaskan bahawa guru perlu menjadi suri teladan dan qudwah hasanah serta agen perubahan masyarakat. Guru juga perlu mempunyai sifat-sifat khusus sebagai melaksanakan tugas *mu'allim* yang mewarisi tugas Nabi dan Rasul. Al-Ghazali seterusnya meletakkan metodologi pendidikan dan pembentukan akhlak yang bersifat teoritikal dan praktikal hendaklah bergerak seiring. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sendiri jelas menekankan pendidikan bersepadu termasuk mendidik akhlak yang selari dengan matlamat Pendidikan Islam (Abdul Hafiz, Zakaria & Ahmad 2012; Nur Hafizoh & Rohana 2013). Oleh itu Pendidikan Islam khusus kepada pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan Hadis serta menuntut kepada perubahan rohani dan akhlak (Mohd Yusof 2002; Fathiyah & Asmawati 2011).

Para ilmuan mengakui bahawa tiada kaedah yang terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan melainkan bergantung pada kebijaksanaan guru-guru (Abdullah 1995). Islam sendiri telah memberikan kaedah yang sempurna

untuk diikuti, iaitu cara penurunan al-Quran. Kaedah yang komprehensif ditunjukkan melalui hubungan antara *murabbi* dengan muridnya, iaitu bagaimana Allah S.W.T. melalui malaikat *Jibrail A.S.* menyampaikan wahyu kepada Rasulullah S.A.W. Kaedah yang boleh diambil pengajaran juga kaedah penyampaian ilmu daripada Rasulullah S.A.W. kepada umatnya. Kaedah ini dianggap paling berkesan dapat membentuk sahsiah yang rabbani (Abdullah 1995). Asmau Imam (2013) menegaskan bahawa guru adalah faktor penting yang mempengaruhi pembelajaran pelajar dan boleh mempengaruhi bagaimana hendak menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Oleh hal yang demikian Hassan (1991) menegaskan bahawa guru sendiri perlu berakhhlak mulia sebelum mendidik murid-murid menjadi insan kamil. Guru perlu dilatih dan diasuh dengan psikologi Islam yang meliputi tingkah laku guru untuk berinteraksi dengan murid secara kognitif, afektif dan spiritual. Oleh itu al-Ghazali menyatakan bahawa umat Islam perlu berilmu untuk menjauhkan dari taqlid buta serta perlu mengubah pemikiran agar Islam dan institusi pendidikannya tidak dianggap ketinggalan zaman (Al-Ghazali t.t.).

Kajian ini dilaksanakan setelah melihat kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru Pendidikan Islam ketika di bilik darjah. Dapatan kajian Noor Ruziana (2004) mendapati bahawa pendekatan pengajaran guru banyak memberi kesan kepada pelajar. Teknik pengajaran yang menarik dapat memudahkan murid memahami serta menghayati isi pengajaran. Kepelbagaiannya teknik pengajaran guru menyebabkan seramai 84.6% sampel menyatakan pengajaran guru seronok dan berkesan.

Kajian tentang pengajaran dalam kurikulum Pendidikan Islam oleh Ab. Halim, Mohd Izham & Masribanun (2007) mendapati beberapa orang murid yang ditemui bual menghadapi masalah dalam pembelajaran iaitu tidak memahami apa yang dipelajari kerana penerangan guru kurang jelas, tidak dapat mengaitkan apa yang dipelajari dengan kehidupan sehari-hari, pengajaran guru tidak menarik sehingga mereka mengantuk dan bosan dan guru yang tidak menunjukkan akhlak baik semasa pengajaran. Kajian persepsi pelajar terhadap profesionalisme guru oleh Syed Najmuddin et al. (2009) mendapati bahawa guru Pendidikan Islam kurang menjaga perkataan ketika bercakap, kurang

pandai mengambil hati dan perhatian murid. Kajian Sarimah et al. (2011) mengenai kajian persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar menyimpulkan bahawa guru perlu menambah baik teknik pengajaran, prihatin dengan masalah murid dan menjadi model terbaik yang boleh dicontohi bagi meningkatkan penghayatan akhlak murid.

Berdasarkan kajian lepas didapati keperluan kepada kajian mengenai akhlak guru agar penambahbaikan kepada latihan guru yang sedia ada dan penambahan kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang diwujudkan bagi meningkatkan profesionalisme guru khususnya guru Pendidikan Islam. Kajian kualitatif ini bertujuan memerihalkan cara guru Pendidikan Islam melaksanakan akhlak mulia dalam P&P Pendidikan Islam dalam kalangan murid Tingkatan Empat. Hal ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah diakui sebagai garis panduan utama ukuran kemajuan dan kejayaan sesebuah negara (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menggunakan teknik pengutipan data melalui pemerhatian, temubual dan bukti dokumen (Yin 1994; Merriam 1998; Bogdan & Biklen 2007). Reka bentuk ini digunakan bagi meneroka secara mendalam bagaimana akhlak guru dilaksanakan dalam P&P Pendidikan Islam di bilik darjah. Dalam kajian kualitatif, pengkaji merupakan instrumen kajian. Oleh itu kesahan sangat bergantung kepada bakat, kemampuan dan kesungguhan pengkaji dalam melakukan kajian lapangan (Patton 1990).

Pengkaji memilih kajian kes kerana kaedah kajian ini membolehkan pengkaji menyelidik fenomena semasa (pengajaran tiga orang guru) dalam keadaan sebenar (di bilik darjah) (Yin 1994). Peserta kajian pula dipilih berdasarkan cadangan Creswell (2008) supaya memilih peserta kajian dan tempat kajian yang sesuai serta mudah didatangi untuk mendapatkan hasil kajian yang mendalam. Oleh itu, pengkaji memilih peserta kajian yang terdiri daripada tiga orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di tiga buah sekolah menengah yang berlainan kategori iaitu sekolah menengah biasa, sekolah menengah Teknik dan sekolah Menengah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI). Sekolah-sekolah ini berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji; ini memudahkan pengkaji untuk melaksanakan proses

pengumpulan data. Ketiga-tiga orang peserta kajian mempunyai ijazah sarjana muda Pendidikan Islam dan diploma ikhtisas perguruan dari universiti atau maktab perguruan. Ketiga-tiga orang guru juga mengajar matapelajaran Pendidikan Islam. Pemilihan peserta kajian menggunakan teknik *purposeful sampling* untuk mendapatkan maklumat yang ‘kaya’ dan mendalam kerana menepati kriteria yang dikehendaki. Selain itu juga pemilihan teknik ini disebab oleh kemudahcapaian antara peserta dan pengkaji yang merupakan salah satu ciri kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif (Patton 1990; Creswell 2008).

Mengenai proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan pemerhatian sebagai teknik utama dalam pengumpulan data. Jenis pemerhatian yang digunakan adalah pendekatan pemerhatian tidak turut serta (*non-participant observation*). Creswell (2008) menyatakan bahawa melalui pemerhatian terhadap manusia dan tempat, maklumat pertama dan utama dapat dikumpul. Antara kelebihan pemerhatian ialah dapat merekod kejadian sebenar di tempat kajian, dapat melihat tingkah laku sebenar dan dapat meneroka idea atau pendapat individu yang sukar diteroka.

Salah satu sumber data utama bagi mendapatkan maklumat dalam kajian kes kualitatif ialah temu bual (Yin 1994). Dalam kajian ini, temu bual merupakan teknik pengutipan data kedua selepas pemerhatian. Temu bual akan memperkuuh dan melengkapkan data yang diperolehi dari pemerhatian. Pengkaji mengemukakan soalan melalui temu bual bagi mendapatkan gambaran yang lebih mendalam jika sebarang maklumat yang kurang jelas semasa pemerhatian. Pengkaji melakukan temu bual secara formal dan tidak formal. Temu bual formal dilakukan selepas atau sebelum pemerhatian. Temu bual tidak formal pula dilakukan semasa perjalanan ke bilik guru selepas pemerhatian atau di bilik guru semasa waktu rehat. Satu set soalan temu bual separa berstruktur (*semi-structured*) digunakan pengkaji untuk memperolehi maklumat yang lebih mendalam tentang akhlak guru dalam P&P Pendidikan Islam.

Pengkaji merekodkan data temu bual dengan merakamkan menggunakan MP4. Cara ini dapat menjamin bahan yang ditemu bual kekal untuk dianalisa. Pengkaji juga dapat mendengar semula dan memperbaiki teknik penyoalan. Cara kedua ialah dengan membuat catatan nota ketika temu bual dijalankan dan cara ketiga ialah dengan menulis seberapa banyak yang dapat apa yang diingati

sejurus selepas temu bual (Merriam 1998). Dalam kajian ini, pengkaji cuba menggunakan ketiga-tiga cara bagi menjamin data yang diperolehi dapat digunakan serta boleh dianalisis dengan tepat dan baik.

Pengkaji menggunakan bukti dokumen sebagai salah satu teknik pengutipan data dan cara triangulasi selain pemerhatian dan temu bual. Dokumen yang pengkaji kumpulkan di dapat dari Ketua Panitia Pendidikan Islam, Penolong Kanan Kurikulum, guru-guru Pendidikan Islam dan murid-murid. Dokumen ini boleh mengukuhkan lagi data yang didapati dari pemerhatian dan temu bual. Bukti dokumen seperti Huraian Sukatan Pelajaran (HSP), buku teks, buku ringkasan mengajar peserta kajian, buku nota, buku latihan murid dan surat pekeliling boleh mengukuhkan lagi data yang didapati dari pemerhatian dan temu bual.

HSP merupakan satu daripada dokumen utama kurikulum Pendidikan Islam. Dokumen ini memperkembang dan memperjelas maksud dan kehendak sukaan pelajaran. Penguasaan terhadap apa yang terkandung dalam HSP adalah menjadi ukuran pencapaian murid. Pengkaji menganalisis HSP bagi mendapatkan kehendak sebenar kurikulum Pendidikan Islam KBSM.

Proses seterusnya menganalisis data. Dalam kajian kualitatif, analisis data dilakukan semasa dan selepas pengutipan data dilakukan. Dalam kajian ini kesemua rakaman suara telah ditranskripsi secara manual. Pengkaji mendengar, menulis semula, membaca dan menandakan dan membahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu. Kepelbagaiannya memerlukan analisis dilakukan peringkat demi peringkat.

Pengkaji tidak menggunakan nama sebenar peserta kajian dalam penjelasan di bahagian dapatan kajian. Oleh itu pengkaji hanya menggunakan GPI1 bagi peserta kajian satu dari sekolah pertama, GPI2 pula bagi peserta kajian kedua dari sekolah kedua dan GPI3 merupakan peserta kajian ketiga dari sekolah ketika. Singkatan bagi pemerhatian pula, pengkaji menggunakan PM1 bagi pemerhatian pertama, PM2 bagi pemerhatian kedua, PM3 bagi pemerhatian ketiga dan PM4 bagi pemerhatian kali keempat. Singkatan bagi temu bual pula, pengkaji menggunakan TB1 bagi temu bual kali pertama, TB2 bagi temu bual kali kedua, TB3 bagi temu bual kali ketiga dan TB4 bagi temu bual keempat.

Kajian rekabentuk kajian kes ini dilaksanakan mengikut cara dan etika yang ditetapkan agar data yang diperolehi memberi makna bagi

memperolehi dapatan yang diakui kesahan dan kebolehpercayaan. Pengkaji berusaha sebaik-baiknya untuk mendapatkan data dari pelbagai bentuk, menterjemahkan data agar memberi makna kepada dapatan yang diperolehi.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan akhlak guru dalam P&P menurut Kitab Ihya' 'Ulum al-Din karangan al-Ghazali (t.t). Menurut al-Ghazali jiwa anak-anak yang bersih jika diajar dengan kebaikan mereka menerima kebaikan dan begitulah sebaliknya (Hamid Reza 2007; Mahmood & Fatemeh 2012). Oleh itu, guru berpeluang mendidik murid-murid dengan didikan dan asuhan yang baik. Guru juga sesuai dijadikan sebagai *role model* untuk mereka ikuti dalam menjalani kehidupan kini yang penuh cabaran.

Dapatkan kajian ini mendapati bahawa akhlak guru yang digariskan oleh al-Ghazali iaitu kasih sayang, ikhlas, nasihat, berhikmah dalam usaha menegur kesilapan, pengajaran bertahap dan beramal dengan ilmu menjadi amalan semua peserta kajian. Mereka menggunakan pendekatan kasih sayang dengan murid-murid melalui sebutan perkataan "sayang", memanggil murid-murid dengan nama dan ini menunjukkan guru-guru tersebut mengenali murid-muridnya. Akhlak guru-guru ini sangat bertepatan dengan pendapat ketiga-tiga tokoh Pendidikan Islam iaitu Ibnu Sahnun, Al-Qabisi dan Ibnu Khaldun bahawa antara ciri pendidik yang baik adalah pendidik yang mempunyai sifat kasih sayang (Gamal Abdul Nasir 2003).

Bagi peserta kajian GPI1, kasih sayang ialah seumpama kata-kata "berilah kasih sayang, kita akan dibalas dengan kasih sayang" (TB4/GPI1/hlm.1). Menurut pendapat beliau kasih sayang dan simpati kepada murid ialah "ambil berat, dekati murid. Kalau kita marah dia nanti, dia tahu kita marah sebab kita sayang, kita kenal dia" (TB4/GPI1/hlm.1). Dari dapatan temu bual ini, pengkaji dapat bahawa GPI1 adalah seorang guru yang penyayang dan bersifat keibuan. Ciri-ciri pendekatan kasih sayang GPI1 sangat ketara contohnya beliau menyatakan,

Adab tu...Adab tu biasa bacaan lah kan.. kita macam mana nak *appreciate* orang kan , contoh apa yang budak suka, macam kelas yang saya ngajar ni kan kelas belakang, jadi nak ambil hati macam tu je kita puji banyak kan, tanya dia....(TB3/GPI1/hlm.3)

Penjelasan dari GPI1 menunjukkan bahawa beliau memang memahami mengenai pendekatan akhlak guru yang perlu diterapkan kepada murid-murid, seperti katanya cara untuk mendekati murid yang belajar di kelas belakang dengan mengambil hati mereka dan menggunakan pendekatan memuji. Memuji murid-murid merupakan salah satu ciri kasih sayang.

Mengenai ciri kasih sayang seterusnya ialah mengenali murid, kesemua peserta kajian sentiasa menyebut nama murid-murid mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ini menjelaskan bahawa mereka mengenali murid-murid yang mereka ajar. Guru yang baik sebaiknya menyebut nama murid ketika berinteraksi dan mengelakkan menggunakan gantinama seperti "kamu" (Sulaiman, Mohd Salleh & Azlina 2002; Mohamad Shatar, Jasni & Azali 2006). Kajian Yahya (2003) mendapati bahawa setelah guru mengingati nama murid dan kerap memanggil nama mereka, murid lebih bersemangat mengikuti P&P, wajah murid ceria, perjalanan proses P&P meriah dan menyeronokkan kerana murid berani bertanya, berbincang dan merasa tidak terpinggir. Perasaan ini akan terbawa-bawa ke luar bilik darjah, iaitu murid lebih mudah mengucapkan salam dan lebih menghormati guru. Akhlak kasih sayang ini selari dengan pendapat Haliza & Samuel (2008) yang menyatakan bahawa guru yang mengetahui latar belakang sosial dan akademik murid mudah menentukan cara berinteraksi yang sesuai dengan murid-muridnya.

Ciri akhlak kasih sayang juga ialah guru sentiasa tersenyum dan menunjukkan memek muka yang manis. Semua peserta kajian seringkali berwajah ceria semasa proses P&P. Sifat keceriaan ini merupakan salah satu ciri *muaddib* (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007). Peserta kajian juga sentiasa mengucapkan terima kasih kepada murid setelah mereka melakukan arahan guru seperti membaca buku teks di hadapan kelas dan menulis jawapan latihan di papan putih. Oleh itu Sulaiman, Mohd Salleh & Azlina (2002), Mohamad Shatar, Jasni & Azali (2006) dan Shaffie et al. (2011) mencadangkan supaya guru mengamalkan budaya "mesra pelajar" agar dapat menggalakkan murid berkongsi sebarang permasalahan dengan guru mereka.

Mengenai peserta kajian kedua GPI2, beliau berpendapat bahawa kasih sayang dan simpati guru ialah guru menjaga kebijakan pelajar di bawah tanggungannya (TB4/GPI2/hlm.1). Beliau juga berpendapat bahawa guru perlu mengenali

latar belakang murid terlebih dahulu agar segala ilmu mudah disampaikan. Beliau menambah lagi pendapatnya, “Sebelum mengajar, saya tengok dulu latar belakang pelajar...kita tak boleh guna bahasa yang menyentuh perasaan pelajar, jadi bila kita kenal latarbelakang mereka, senang untuk kita berkomunikasi dengan mereka” (TB3/GPI2/hlm.2).

Selain memberi penghargaan kepada muridnya, beliau juga menggunakan konsep sentuhan bagi menunjukkan kasih sayang seorang guru.

Pendekatan akhlak saya, saya mulakan dengan diri sendiri..kadang-kadang saya lihat guru Pendidikan Islam sendiri tidak mengamalkan akhlak seperti berpakaian yang tidak sempurna untuk penutupan aurat seorang Muslim atau Muslimah...Bagi saya... saya beri penghargaan kepada pelajar agar mereka rasa dihargai, saya juga menggunakan konsep sentuhan, ini menjadikan pelajar rasa disayangi.....(TB3/GPI2/hlm.1)

Peneguhan dalam P&P dengan mengucapkan perkataan “bagus” oleh peserta kajian setelah murid menjawab soalan dengan baik merupakan salah satu ciri kasih sayang guru. Dapatkan ini bertepatan dengan pendapat Tengku Sarina Aini (2006) dan Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007) bahawa peranan guru memberi peneguhan kepada murid. Peneguhan seperti ini membuatkan murid rasa diterima, mendapat penghargaan dan disayangi. Selain perkara di atas, akhlak kasih sayang ketiga-tiga orang guru juga dapat diperhatikan ketika proses P&P berjalan, suasana kelas ceria dengan suara guru yang mengajar di selang seli dengan unsur jenaka yang membuatkan kelas sekali sekala diselangi dengan gelak ketawa. Dapatkan kajian Shaffe et al. (2011) bahawa unsur jenaka dalam proses P&P boleh memberi keseronokan dan memberi kesan positif kepada guru dan murid. Guru yang boleh melaksanakan unsur *humor* temasuk kategori guru yang berkualiti (Khairul Anuar 2012). Selain itu, peserta kajian juga didapati datang menghampiri murid ketika murid bertanya atau menjawab soalan. Akhlak ini menunjukkan mereka mengambil berat dan menghormati setiap murid. Dapatkan ini sesuai dengan cadangan Haliza & Samuel (2008) agar kedudukan guru berhampiran dengan murid untuk memudahkan proses interaksi dan komunikasi.

Akhlik guru kedua iaitu ikhlas pula dilihat ketika sebelum proses P&P, semua peserta kajian bergegas masuk ke bilik darjah sebaik loceng berbunyi atau melihat kepada jam. Ketika berada di bilik darjah, mereka dilihat bersungguh-sungguh menyampaikan ilmu kepada murid agar murid-

murid dapat memahaminya dengan baik. Dapatkan ini selari dengan pendapat Shahril @ Charil (2004) yang menyatakan bahawa guru yang berkesan akan masuk dan keluar kelas tepat pada waktunya. Begitu juga dengan pendapat Ab. Halim, Mohd Izham dan Masribanun (2007) bahawa ciri guru muaddib ialah menepati masa. Guru hendaklah mempunyai niat yang ikhlas agar tugasannya diberkati dan murid-murid menyayangi (Ab. Halim & Mohamad Khairul 2010). Kajian Mohd Suhaimi & Norasmah (2014) juga mendapati bahawa walaupun guru mempunyai kerja sampingan namun mereka tetap mengutamakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Akhlik ketiga iaitu nasihat. Kajian ini mendapati guru-guru Pendidikan Islam sentiasa memberi nasihat kepada murid iaitu mengingatkan agar melakukan perkara kebaikan. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) mengenai ciri guru mudarris antaranya muhasabah pengajaran menurut pandangan Islam. Contohnya peserta kajian yang pertama iaitu GPI1, beliau menasihatkan muridnya supaya sentiasa menutup aurat, katanya:

“tengok.. jenazah meninggal pun kita kena tutup aurat dia, siapa yang mandi tak tutup aurat, di akhirat kelak Allah hitamkan muka dia” (PM1/GPI1/hlm.5).

Peserta kajian GPI3 pula menasihatkan muridnya jika menjadi imam hendaklah membaca bacaan yang sederhana iaitu tidak terlalu pendek dan tidak terlalu panjang agar makmum dapat menuaikan ibadah solat dengan sempurna, katanya:

“kalau kita solat terawikh di kampung ada orang tua, ada kanak-kanak, kita kenalah membaca bacaan yang sekadarnya” (PM2/GPI3/hlm.3).

Kedua-dua dialog ini jelas menunjukkan bahawa menjadi amalan guru-guru menasihati murid-murid semasa dalam proses P&P. Semua peserta kajian sentiasa mengaitkan tajuk yang diajar kehidupan seharian murid, seterusnya menasihati mereka agar membuat kebaikan atau menjauhi larangan.


Mengenai akhlak guru keempat iaitu mencegah kesilapan secara berhikmah jelas dilihat dalam pengajaran ketiga-tiga peserta kajian. Contohnya semasa proses P&P, seorang peserta kajian menyatakan, “ bagus Alif, tak tidur hari ni, ustazah bagi kerja tak tidur....”. Jelas di sini beliau

mencegah murid-muridnya tidur di dalam bilik darjah dengan menyapa salah seorang muridnya secara baik dan bersopan. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) iaitu antara ciri guru *murabbi* ialah menegur pelajar secara berhikmah dengan tidak mengugut, menyindir dan berleter.

Mengenai akhlak guru mengajar dengan pengajaran bertahap, ketiga-tiga orang guru yang menjadi peserta kajian telah mengajar mengikut tahap, iaitu apabila murid telah memahami sesuatu sub topik, barulah diteruskan kepada sub topik lain. Contohnya seperti guru bertanya kepada muridnya "Ok, ada soalan? Faham semua?" Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menyatakan bahawa antara peranan guru *mudarris* ialah melaksanakan P&P dengan menyesuaikan strategi pengajaran mengikut masa, minat, kebolehan atau tahap pelajar.

Akhlik guru beramal dengan ilmu pula dapat dilihat dari segi pakaian, perlakuan dan tutur kata ketiga-tiga orang guru Pendidikan Islam.

Pengkaji mendapati tiga ciri beramal dengan ilmu yang dilaksanakan oleh peserta kajian iaitu pertama guru mengamalkan syariat Islam dari segi pakaian, tingkah laku dan tutur kata. Guru berpakaian menutup aurat, kemas dan sesuai dengan etika profesional seorang guru Muslim atau Muslimah. Kesemua mereka berpakaian kemas dan menutup aurat menepati garis panduan yang ditetapkan oleh syariat. Mereka juga berhati-hati mengeluarkan kata-kata semasa proses P&P supaya tidak mengeluarkan perkataan yang kurang baik. Peserta kajian sangat menjaga tingkah laku mereka di dalam bilik darjah. Mereka menjaga akhlak antara bukan mahram, ini kerana semua murid berlainan jantina merupakan 'ajnabi' atau bukan mahram dengan mereka. Mereka tidak menyentuh murid yang berlainan jantina dan menjaga adab berbicara dengan murid-murid. Ini bertepatan dengan kajian Nurul Hudani, Marof dan Noor Hisham (2013) bahawa kecerdasan emosi guru yang positif melahirkan akhlak dan tingkah



RAJAH 2. Qudwah Hasanah Akhlak Guru

laku yang baik. Mengenai penampilan guru, Haliza dan Samuel (2008) berpendapat bahawa profesi perguruan yang mulia hendaklah ditampilkan dengan penampilan guru yang menunjukkan ciri-ciri profesionalisme guru agar murid-murid dapat melihat kewibawaan guru.

Kajian ini juga mendapati bahawa guru memulakan proses P&P dengan memberi salam, membaca ‘*Basmalah*’, membaca ‘*hamdalah*’, serta mengucapkan selawat dan berdoa bersama murid. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) di antara perlakuan beradab ialah guru memulakan sesuatu dengan Bismillah, memberi salam, menggunakan perkataan bertatasusila, menjaga lidah, menjaga pakaian, menjaga gerak geri dan menunjukkan amalan kasih sayang.

Walaupun semua guru Pendidikan Islam mengikuti panduan syariat dalam berakhlik dengan murid-murid namun mereka menggunakan cara yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain mengikut kreativiti masing-masing. Akhlak guru memberi pengaruh yang besar kepada kejayaan proses P&P di bilik darjah (Habibah@Artini & Zaharah 2014). Semua ilmu yang diperoleh murid-murid lebih mudah diamalkan dan dipraktikkan dengan kewujudan *role model* yang sentiasa terpamer di hadapan bilik darjah.

Hasil dapatan kajian ini, Qudwah Hasanah Akhlak Guru (lihat Rajah 2) telah dibentuk agar dapat dijadikan panduan oleh para guru dan pendidik dalam usaha mendidik murid-murid menjadi insan yang berakhlik mulia.

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini hanya menumpukan kepada ciri-ciri akhlak dan pelaksanaan pendekatan akhlak dalam P&P yang dijalankan oleh guru di bilik darjah dengan pemerhatian dan temu bual dengan guru Pendidikan Islam sahaja. Oleh itu kajian akan datang dicadangkan agar dijalankan temu bual dengan murid-murid terpilih untuk mendapatkan data terhadap ciri-ciri akhlak Islamiah guru-guru Pendidikan Islam dari pandangan murid-murid. Temu bual dengan murid-murid ini dapat mencungkil pandangan yang sentiasa memerhati, melihat, mendengar dan mengetahui seribu satu macam tingkah laku guru-guru. Kajian tersebut juga boleh meneroka maklumat untuk meningkatkan pelaksanaan pendekatan akhlak Islamiah guru-guru.

Guru merupakan *qudwah hasanah* atau *role model* terbaik kepada murid-murid. Pendekatan Akhlak Islamiah guru yang dilaksana dan diamalkan di dalam bilik darjah merupakan satu perkara penting untuk murid-murid melihat, mendengar, mengambilnya sebagai contoh tauladan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Murid-murid yang sentiasa memerlukan bimbingan dan panduan perlu dididik dengan pendekatan penuh kasih sayang dan simpati, ikhlas, nasihat, pengajaran bertahap, mencegah kesilapan secara berhikmah dan beramal dengan ilmu. Kesemua pendekatan akhlak Islamiah tersebut patut diamalkan oleh semua guru khususnya guru Pendidikan Islam.

Kajian ini mendapati bahawa guru-guru sentiasa berakhlik dengan akhlak yang sesuai dan selari dengan tugas yang diamanahkan. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pendidik khususnya guru Pendidikan Islam agar mereka sentiasa mengamalkan akhlak guru terutama semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum Pendidikan Islam KBSM bukan sahaja menekankan aspek kognitif tetapi juga menerapkan nilai afektif bagi tujuan melahirkan generasi yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Apabila warga pendidik menyedari kepentingan berakhlik mulia, maka hasilnya wujudlah murid-murid yang bukan sahaja sentiasa taat kepada perintah guru, bahkan akan taat kepada perintah Allah, Rasul dan ibu bapa.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajury. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. *Journal of Islamic Education* 2(1): 43-36.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah & Masribanun Duki. 2007. Penilaian pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap kepimpinan guru pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki* 17(1): 2007.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen asas untuk latihan guru pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah* 2(2): 53-63.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. 2012. Memperkasa jati diri melayu-muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition* 2012: 22-35.

- Abdul Rauf Yusuf Abdul Qadir Abdul Rahman. 1991. *Akhlaq al-Alim wa al-Mutaalim inda Abi Bakri al-Ajuri*. Beirut: Dar al-Jil.
- Abdul Salam Yusof. 2010. *Idea-idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali dan Konfus*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Firahidi, A.-K. 2001. *Kitab al-'Ain*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Ghazali, t.t.. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Darul Ma'rifah.
- Asmau Imam Abdul Kabir. 2013. The Qur'anic Approach to the Inculcation of Moral Values: Patterns for Teacher Education. *QURANIKA, International Journal of Quranic Research* 5(2): 15-32.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. 2007. *Qualitative Research for Education an Introduction to Theories and Methods*. 5th Edition. New York: Pearson Education.
- Collste, G. 2010. Applied and Profesional Ethics. *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities* 19 (1): 17-33.
- Creswell, J. W. 2008. *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3th Edition. New: Pearson Education International.
- Fathiayah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid. 2011. *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Membentuk Generasi Unggul*. Dlm. World Congress For Islamic History and Civilization: Islam and Education, disunting oleh Faisal@ Ahmad Faisal Abdul Hamid, 63-79. Kuala Lumpur: Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Fathiayah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi & Asmawati Suhid. 2013. Penerapan Elemen Ilmu oleh Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Dlm. *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 9 Peringkat Serantau*, 1-17. Brunei Darussalam.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2003. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Bentong, Pahang: Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Habibah@Artini Ramli & Zaharah Hussin. 2014. Profesionalisme perguruan pendidikan Islam berasaskan Riadhah Ruhiyah: Satu analisa. *The Online Journal of Islamic Education* 2(1): 7-24.
- Haliza Hamzah & Samuel, J. N. 2008. *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hamid Reza, A. 2007. Al-Ghazali on moral education. *Journal of Moral Education* 36(3): 309-319.
- Hassan Langgulung. 1991. *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21*. Shah Alam: HIZBI.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Laporan Awal-Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015*. <http://www.moe.gov.my/v/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>. Tarikh capaian: 20 Disember 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Khairul Anuar A. Rahman. 2012. Disposisi guru berkesan: Personaliti dan kemahiran. *Akademika* 82 (2): 37-44.
- Luis Ma'luf. t.t.. *Kamus al-Munjid*. Beirut Al-Maktabah Al-Katulukiyyah.
- Mahmood Shahsavari & Fatemeh Shahsavari. 2012. Evaluation of Al-Ghazali's View about the Foundations of Education (Objectives, Programs, Methods, Teacher and Student). *Switzerland Research Park Journal* 101(8): 340-345.
- Mardzelah Makhsin, Ab. Halim Tamuri, Mohd. Aderi Che Noh & Mohamad Fadhli Ilias. 2012. Hisbah pembelajaran kendiri dalam pendidikan Islam. *Journal of Islamic Arabic Education* 4(1): 45-60.

- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, California: Jossey-Bass Inc., Publishers.
- Mohd. Nasir Omar. 2005. *Siri Islam dan Masyarakat: Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Shatar Shabran, Jasni Sabri & Azali Mohamed. 2006. *Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Suhaimi Mohd Nizam & Norasmah Othman. 2014. Aktiviti kerja sampingan dan kesan ke atas komitmen guru bekerja. *Sains Humanika* 3(1): 31-36.
- Mohd Yusof Ahmad. 2002. *Falsafah dan sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Dlm. *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM*, 1-15.
- Noor Ruziana Ismail. 2004. Keberkesanan Pengajaran Pendidikan Islam Dalam Menangani Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. 2013. Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indicator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi* 60: 31-37.
- Nurul Hudani Md Nawi, Marof Redzuan & Noor Hisham Md Nawi. 2013. Pengaruh aspek kecerdasan emosi terhadap tingkah laku kepimpinan transformasi dalam kalangan pemimpin pendidik sekolah. *Akademika* 83(2&3): 3-11.
- Patton, M. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Beverly Hills. CA: Sage.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azzizty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. 2012. Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 4(2): 51-60.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2011. Kajian persepsi penghayatan akhlak islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. *Global Journal Al-Thaqafah* 1(1): 71-78.
- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi. 2011. Pengaruh amalan jenaka terhadap pengajaran dan pembelajaran murid. *Asia Pasific Journal of Educators and Educations* 26 (1): 125-144.
- Shahril @ Charil Marzuki. 2004. Amalan Pengajaran yang Berkesan: Kajian di beberapa sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Jurnal Pendidikan Universiti Malaya*.
- Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar. 2002. *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Syed Najmudin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat. 2009. Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru pendidikan Islam MRSMS. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2): 31-50.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2006. Motivasi Pelajar Melalui Pendekatan Psikologi dalam Kaedah Pengajaran Menuju Pembangunan Holistik. Dlm. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum 2006. Johor Bahru.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1993. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Yahya Zainal Abidin. 2003. Mengingat Nama Pelajar Sebagai Satu Teknik Pengajaran Mesra Pelajar. Dlm. Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan. BPPDP, KPM.
- Yin, R. K. 1994. *Case Study Research Design and Methods*. 2nd Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publication, Inc.
- Zaharah Hussin. 2005. Mendidik Generasi Berakhlik Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*, Universiti Malaya, 79-95.
- Zulfahmi Syamsuddin, & Wan Hasmah Wan Hamat. 2014. Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak Al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek. *The Online Islamic Education* 2(2): 107-119.

Sofiah Mohamed (Corresponding author)
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor
Malaysia
E-mail: sofiah9@live.utm.my

Muhammad Azhar Zailaini
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia
E-mail: azhar@um.edu.my

Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor
Malaysia
E-mail: qamar@utm.my

Received: 27 January 2015
Accepted: 7 May 2016